

17 JUN 2003

KONTRAKTOR DITEMUI MATI DALAM KERETA

IPOH, 17 Jun (Bernama) -- Seorang kontraktor berusia 43 tahun ditemui mati di dalam kereta berhampiran rumahnya di Kampung Baru, Bukit Merah di sini pagi ini.

Jurucakap polis berkata, Wong Tak Sang ditemui mati pada pukul 5 pagi ini oleh isterinya yang tersedar dari tidur dan melihat sebuah kereta milik suaminya berada berhampiran rumahnya.

Apabila dia membuka pintu kereta mENDapati suaminya tidak bergerak lalu dia membuat laporan polis, katanya.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ipoh, Supt Che Sab Hanafiah ketika di hubungi berkata polis tidak mengesyaki sebarang perbuatan jenayah.

-- BERNAMA

PBA MAI

17/06/2003 18-58ST

bah bns

KDN SIASAT KARIKATUR DR MAHATHIR DI HARAKAH

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat tindakan akhbar Harakah, lidah rasmi parti PAS, menyiarkan karikatur yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menterinya Datuk Chor Chee Heung berkata Kementerian akan meminta penjelasan daripada Harakah mengenai karikatur itu sebelum mengambil sebarang tindakan.

Karikatur itu menunjukkan wajah Perdana Menteri berhidung khinzir dan di sebelahnya karikatur seekor khinzir dengan kata-kata yang menghina tertera di bawahnya `SARS daripada khinzir, SAR daripada Mahazir".

Chor "tidak menafikan perbuatan itu amat kejam dan berniat jahat terhadap seorang pemimpin utama negara dan kalau bukan niat jahat tidak tahu tujuannya lah," katanya kepada pemberita di Parlimen hari ini.

Chor berkata bagi umat Islam, mereka tidak boleh menerima khinzir ataupun gambarnya di sebarang penerbitan kerana ianya sensitif pada agama.

Tindakan PAS itu menunjukkan parti itu "cukup bankrap dengan idea politik" dan "sanggup berbuat apa sahaja untuk mencemarkan imej seseorang," katanya.

-- BERNAMA

HK HK PR